

SOALAN NO : 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan setiap tahun (bagi 5 tahun yang lalu) yang digunakan bagi membantu mangsa banjir dan kebakaran di Malaysia mengikut negeri.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan wang ihsan yang disalurkan bagi kejadian banjir dari 2008-2013 adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	JUMLAH BANTUAN (RM)
1	2008	26,668,250.00
2	2009	59,221,854.86
3	2010	32,624,548.21
4	2011	47,271,300.00
5	2012	11,163,613.00
6	2013	19,143,900.00
JUMLAH		196,093,466.07

Peruntukan bagi setiap tahun untuk membantu mangsa banjir oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) adalah tidak sama kerana ia bergantung kepada keadaan dan situasi banjir semasa yang berlaku. Penyaluran wang tunai RM500 kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan bencana banjir adalah menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWBBN). Bantuan yang diberikan ini bukanlah ganti rugi atau pampasan sebaliknya bantuan ihsan yang bersandarkan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Manakala bagi kebakaran pula, pada umumnya kejadian kebakaran tidak diklasifikasikan sebagai bencana alam yang melayakkannya

menerima bantuan ihsan dari Kerajaan menerusi tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) dibawah MKN. Namun atas dasar keprihatinan Kerajaan Pusat, terdapat beberapa kejadian kebakaran berskala besar yang dipertimbangkan pemberian wang ihsan kepada ketua isi rumah menggunakan peruntukan KWABBN.

Sekian.Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN : 6

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

sebab pihak berkuasa yang mendapati bahawa 65 peratus daripada terminal klia2 gagal dalam pemeriksaan keselamatan. Adakah punca kegagalan tersebut retakan paip, peparitan dan jalan akibat tanah yang tenggelam dan adakah ini akan menyebabkan penundaan tarikh mula beroperasi KLIA2 sekali lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan berkenaan “65 peratus daripada terminal KLIA2 gagal dalam pemeriksaan keselamatan” adalah tidak benar. Suka dijelaskan satu pemeriksaan yang dijalankan pada bulan Januari 2014 mendapati bahawa kerja-kerja perparitan dan jalan masih belum siap sepenuhnya. Pemeriksaan juga mendapati berlaku keretakan terhadap paip pembetungan disebabkan oleh pemendapan tanah (soil settlement). Pada 27 Februari 2014, satu pemeriksaan susulan telah dijalankan dan mendapati kerja-kerja perparitan dan jalan telah siap sepenuhnya. Bagi pembaikan paip pembetungan, kerja-kerja masih dilaksanakan dan akan siap pada bulan April 2014 sebelum pembukaan KLIA2 pada 2 Mei 2014.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada 27 Februari 2014 juga telah mengesahkan bahawa bangunan terminal KLIA2 ini selamat untuk digunakan. Lanjutan daripada itu pihak MAHB telah menjalankan latihan ORAT (*Operational Readiness and Transfer*) dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen, Kastam, PDRM dan sebagainya.

Sehubungan itu, KLIA2 akan tetap mula beroperasi pada 2 Mei 2014.